Kitab
Mutiara Wasiat

SINARAN AL-QUDDUS

Terjemahan Kitab
Hayatun Nufus

Daripada wasiat-wasiat Syeikh Al-imam Al-Qutub
ABDULLAH BIN ABU BAKAR AL-AYDRUS

Di Terjemahkan Oleh
DANIEL BIN MAHZAR AL-AYDRUS

بسم الله الرحمن الرحيم

BIODATA AL-IMAM AL-AYDARUS

Nama serta nasabnya yang mulia:

Al-Imam Abu Muhammad Abdullah Al-Aydarus bin Abu Bakar As-Sakran bin Abdur Rahman As-Seqqaf bin Muhammad Mawla Ad-Dawilah bin Ali bin Alwi

Al-Ghuyur bin Al-Faqeh Muqoddam Muhammad bin Ali bin Muhammad

Sohibul Mirbat bin Ali Khali’ Qosam bin Alwi bin Muhammad bin Alwi bin Ubaidillah bin Ahmad Al-Muhajir bin Isa bin Muhammad bin Ali Al-Uraidhi bin Jaafar As-Sodiq bin Muhammad Al-Baqir bin Ali Zainal Abidin bin Al-Husein bin Ali bin Abi Talib dan isterinya Fatimah Az-Zahra binti Rasulullah SAW.

Beliau dilahirkan di Tareem,Hadramaut pada 10 Yang pertama di bulan Zulhijjah tahun 811 H, dan beliau membesar di sana.

Nama masyaikh beliau serta kitab yang dipelajari bersamanya:

-Sayyid Muhammad bin Umar Ba’alawi

(Al-Quran)

-Al-Faqeh Sa’ad bin Ubaidillah bin Abi Ubaid

-Al-Faqeh Abdullah Ba Harawah dan selain dari mereka .

Beliau membaca kitab feqah seperti At-Tanbih,Al-Minhaj dan

Al-Khulasoh, beliau selalu mengulangi kitab-kitab tersebut berulang-ulang kali.

Beliau mempelajari ilmu Tasawwuf

bersama pakciknya Syeikh Umar Al-Muhdhor,lalu beliau juga ditarbiah bersama pakciknya.

Beliau wafat pada hari ahad (12) Ramadhan tahun (865) H,dan dimakamkan di Tareem .

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah tuhan sekalian alam,selawat dan salam dari Allah dicurahkan pada junjungan kita Nabi Muhammad SAW dan keluarganya serta para sahabatnya.

Oleh itu :

Kitab ini merangkumi kumpulan dari petikan dan kalam mutiara yang diambil dari Al-Imam Al-Qutub Abdullah bin Abu Bakar Al-Aydarus.

Semoga Allah memberi manfaat pada diri beliau serta pada diri seluruh hambanya yang soleh.

Al-Imam pernah berpesan yang merangkumi nasihat :

“Wajiblah bagi diri kamu setelah kamu bersaksi bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah dan bahawa Nabi Muhammad pesuruh Allah:

- Menyempurnakan solat.
- Menyempurnakan puasa di bulan Ramadhan.
- Mengeluarkan zakat.
- Cinta untuk menunaikan haji.
- Cinta pada ibadah sedekah.
- Cinta pada sifat kesabaran apabila menerima dugaan.
- Cinta pada seluruh perkara yang halal dan benci pada seluruh perkara yang haram.
- Sangka baik pada Allah,rasulnya,para solihin dan seluruh muslim.
- Melihat pada diri kamu dengan pandangan yang hina dan melihat pada diri orang muslim selain dari dirinya dengan pandangan yang redho.
- Perbanyakkan dalam berdiam diri.
- Menghindari diri dari memperingati perkara yang buruk.
- Mencegah dari melihat perkara yang haram.
- Merahmati pada duda/janda,anak-anak yatim dan seluruh anak muslim.
- Menghormati yang tua.
- Merendahkan diri dihadapan orang yang soleh.

- ❖ Menjauhi dari keburukan orang fasiq.
- ❖ Cinta pada sifat warak dan perilakunya.
- ❖ Cinta untuk beriktikaf di masjid dan bersendiri diantara maghrib dan isyak.
- ❖ Menghidari dari memperingati perkara dunia pada waktu di antara maghrib dan isyak.
- ❖ Solat 10 rakaat pada waktu qiamulail,jika tertinggal maka gantikanlah pada waktu diantara terbitnya matahari sehingga zuhur.
- ❖ Istiqomah dalam solat sunat dhuha.
- ❖ Tidak cinta kepada kemasyhuran.
- ❖ Bersifat marah hanya kerana Allah.
- ❖ Istighfar dan bertasbih pada waktu senja.
- ❖ Berzikir selepas solat subuh sehingga waktu isyrak.
- ❖ Menghindari dari memperingati perkara dunia sehingga terbitnya matahari.
- ❖ Selalu memperingati bahawasanya kamu akan dimandikan,diletakkan diatas keranda,dikuburkan, dikafankan, disolatkan, bersendirian didalam kubur dan kegerunan alam kubur.
- ❖ Membaca zikir (سبحان الله وبحمده) setiap hari 100 kali.

- Membaca zikir :
  لا إله إلا الله وحده لا شريك له ، له الملك وله الحمد يحيي ويميت وهو على كل شيء قدير (100 kali) .
- Puasa pada hari khamis dan jumaat.
- Hidupkan malam jumaat dan harinya dengan zikir,kecuali jika kamu sangat tidak tahan untuk tidur.
- Bergaullah dengan keluarga secara adil -maksudku- tidak terlalu berlebihan dan juga tidak terlalu meremehkan.
- Mencegah permusuhan bersama orang islam.
- Sabar ke atas hamba yang dimiliki jika melakukan kesalahan.
- Mencegah dari mengatakan keburukan orang muslim, mengumpat mereka dan mengadu domba diantara mereka.

Al-Imam Al-Aydarus berkata :

Adab bersama Allah SWT itu adalah dengan meninggalkan segala perkara yang haram dan maksiat,adab bersama para solihin ada dengan tidak menghindari

dari mereka,adab sesama muslim adalah tidak menyakiti mereka dengan lidah dan tangannya.Namun demikian,sebaik-baik kebaikan itu adalah membaca Al-Quran dalam keadaan beradab dihadapan kalamullah tuhan langit dan bumi.

Ziarahlah kubur dengan syarat untuk berpikir bahawa ulat akan memakan

Matanya(Jenazah),hidungnya,kecantikannya dan seluruh anggotanya juga perubahannya kepada nanah dan darah.Ulat-ulat ini kan memakan anggota mereka yang mulia atau hina dan juga yang hodoh atau yang cantik.Penggunaan pemikiran ini

walaupon tidak masuk ke hati tetapi penggunan itu mempunyai rahsia tersendiri.

Janganlah berlalu setiap malammu kecuali engkau telah bersedeqah walau sebesar zarah kerana ianya kekal disisi Allah.Kebaikan itu semuanya ada pada berdiam selama engkau mampu .

Meninggalkan umpatan itu adalah satu kekuatan.

Meninggalkan adu domba itu adalah satu kesultanan. Bersangka baik adalah satu kewalian. Berzikir pada Allah adalah satu ketenangan dan duduk bersama orang yang berzikir kepada Allah adalah satu pembukaan (kurniaan). Hindarilah dari pengongsian harta lebih khusus pada zaman hanya kurma sebagai makanan walaupun kamu diberi makanan (warak).

Hendaklah kamu menutupi keburukan orang muslim,hendaklah kamu menahan dirimu ketika marah dan bernafsu selagi kamu mampu, hendaklah kamu bersangka baik pada setiap orang yang soleh walaupon mereka melakukan perkara yang buruk dengan menghormati mereka lalu mengagungkan mereka dan menutup keburukan mereka.

Hendaklah kamu merahmati dan menyayangi kepada orang yang mahram

untukmu mahupun bukan,kamu mensifati demikian hendaklah secara lembut,tertutup dan nasihat.Hendaklah kamu menyukai kisah-kisah para wali Allah dan kisah-kisah yang menambahkan ketakutanmu kepada Allah, menambahkan kezuhudanmu kepada dunia, menambahkan cintamu kepada akhirat dan menambahkan kesedaranmu pada keburukan dirimu sendiri .

Al-Imam Aydarus berpesan:

Hendaklah kamu selalu diiringi tasbih pada setiap malam dan siang hari. Hendaklah kamu menghindari dari umpatan dan kelalain lebih khusus pada waktu kamu bertasbih.Hendaklah kamu selalu berzikir dan membaca Al-Quran. Hendaklah kamu memakan makanan yang halal iaitu segala makanan yang dihalalkan oleh syariat. Hendaklah kamu menghindari dirimu dari mereka yang selalu memakan makanan yang haram dan syubhah.

Hendaklah kamu menghindari dirimu dari mereka yang memakan daging saudaramu Iaitu mereka yang suka mengumpat dan mengadu domba. Hendaklah kamu berbakti dan mentaati ibubapa sekurang-kurangnya ialah dengan bertutur kata yang sopan,merendah diri dan bersabar. Manakala sebaik-baiknya ialah mengikut perintah mereka dan banyakmelakukan perkara yang baik.

Hendaklah kamu memperindah akhlakmu pada setiap muslim. Hendaklah kamu merahmati dan menyayangi pada setiap ciptaan Allah

walaupon haiwan-haiwan yang buas.Hendaklah kamu mencintai agama. Hendaklah kamu mencintai untuk membaca kitab Bidayatul Hidayah karangan Imam Ghazali, kerana ianya adalah penamat untuk setiap perkara zahir,batin, awal dan akhir. Hendaklah kamu memperbanyakkan selawat kepada

Nabi Muhammad SAW dan bacaan Surah Al-Ikhlas pada malam dan hari jumaat.

Hendaklah kamu tidak menghampiri isterimu pada waktu uzurnya (haid).

Hendaklah kamu saling menyayangi sesama muslim dan memberi senyuman di wajah-wajah mereka. Hendaklah kamu patuh pada seluruh perintah Allah dan meninggalkan segala larangannya, benci pada perbuatan dosa,tempat-tempatnya dan tempat-tempat yang boleh dijadikan tuduhan,menjaga maruah dan mempunyai sifat malu.Hendaklah kamu menjaga waktu yang barakah ini seperti antara maghrib dan isyak,selepas subuh,menunaikan solat dhuha dan solat witir. Hendaklah kamu menjaga solat secara berjemaah, solat jumaat, menghadiri awal ke masjid pada hari jumaat, meninggalkan tempat pergaulan manusia, menghindari dari duduk di tengah-tengah jalan dan memperbanyakkan berdiam diri tanpa mengumpat dan adu domba.

Hendaklah kamu menyayangi duda, janda,anak-anak yatim,anak-anak kecil dan orang-orang tua . Mencegah dari memperingati perkara zalim,

memperindahkan hari raya haji pada kehidupan di tarim dengan berzikir dan berpuasa,dengan mengeluarkan bahagian untuk membuat ibadah korban, dengan bersangka baik pada Allah,rasulnya SAW,para wali Allah dan orang-orang mukmin.

Hendaklah kamu berqiamulail,mencegah dari perbuatan yang melalaikan dan membuang masa dan mencegah dari menghadiri majlis perkahwinan yang mana di dalamnya ada perkara yang mungkar seperti percampuran

lelaki dan wanita terutama pada waktu perarakan.

Hendaklah kamu berasa hina (dihadapan Allah),tenang (pada setiap pergerakan), faqir (terus memohon dan

berharap pada Allah).memperingati syurga dan neraka, memperingati keagungan Allah dan takut pada hura hara (hari kiamat) dan neraka, membaca Al-Quran dan senyum di hadapan wajah saudaramu,bersabar terhadap isterimu dan tidak menyukai pada kemewahan.

Hendaklah kamu mengingati pada kematian dan kehancuran dunia ini,

Mengingati kekalnya akhirat,bersangka baik pada Allah Taala dan Rasulnya SAW juga pada para wali Allah dan seluruh orang muslim,puncak segala kebaikan adalah bersikap wara' dan inti segala kebaikan adalah menghasilkan sifat ketakutan pada Allah.

Hendaklah kamu melazimi zikir - La Ilaha Illallah - dan membaca Al-Quran.

Hendaklah kamu mengingati pada kematian, memikirkan keadaan ahli kubur dan segala umurmu yang telah

berlalu.Ketahuilah bahawa kematian Itu lebih dekat dari tali seliparmu.

Beliau berpesan lagi : Perkara yang bermanfaat adalah perkara yang

membuatmu takut pada Allah,membuatmu berkeinginan untuk mentaatinya,membuatmu zuhud pada dunia dan menginginkanmu pada akhirat, menyedarkanmu pada keburukan dirimu sendiri dan menyibukkan dirimu dari mencari keburukan orang lain.

Berhati-hatilah kamu dari tertipu dengan kemuliaan yang Allah bagi padamu Sedangkan kamu terus-menerus melakukan dosa padanya, maka dengan demikian Iblis yang dilaknat memberi helah padamu seria mengatakan: ("Jika engkau memiliki dosa maka dari mana datangnya kemulian yang Allah kurniakan padamu ini?")

Maka perkara ini orang yang arif menamakannya 'Jahil Yang Suci'.

AKHLAK MULIA

Beliau juga berpesan : Petanda dan alamat sebuah kebahagiaan itu adalah

berakhlak mulia,petanda dan alamat sebuah amalan soleh itu adalah berakhlak mulia, petanda dan alamat sebuah keredhoan adalah berakhlak mulia,petanda dan alamat cahaya hati itu adalah akhlak yang mulia dan akhlak mulia itu adalah sebuah kehidupan untuk hati.

Beliau juga berpesan: Petanda dan alamat seseorang itu berakal adalah banyak berdiam,petanda dan alamat takut pada Allah adalah banyak bersedih,petanda dan alamat memohon pada Allah adalah memperbanyak ibadah,petanda dan

alamat zuhud adalah merasa berpuas hati (pada segala yang dimiliki),petanda dan alamat murah hati adalah mencegah dari hasad dengki, keredhoaan Allah Taala dan

sangkaan baik itu adalah kekuatan iman, petanda dan alamat kesungguhan itu adalah berdiam diri dari mengumpat dan mengadu domba,

Petanda sangat memerlukan pada Allah adalah menghinakan diri dihadapannya,petanda taubat itu adalah memperbanyakkan penyesalan atas perlakuan dan petanda,adapun alamat benci pada hawa nafsu adalah

merasa puas (pada segala yang dimiliki).

Didikan Hati

Beliau berpesan : Adapun hatiku ini,tidak mencintai sesuatu perkara sepertimana aku mencintai tilawah Al-Quran,bersangka baik pada para solihin di kota tareem, cinta kepada masjid-masjidnya,tempat tempatnya, dan pembacaan tahlil LA ILAHA ILLAH (70x) pada hari-hari tertentu,sikap tawadhuk dan berdiam dari berkata yang

kotor , dan seluruh kebaikan dunia dan akhirat dari segi penjagaan lisan dari mengumpat dan mencegah dari setiap perkara yang telah dilarang oleh Kitab (Al-Quran) dan Sunnah (Hadis).

Hendaklah kamu menghadiri hatimu pada pembacaan wirid-wiridmu keseluruhannya. Hendaklah kamu menahan dirimu dari kemarahan sesungguhnya itu adalah petanda kelapangan dada.Hendaklah kamu mengasihi dan mencintai kepada para ahli agama dan fakir miskin. Hendaklah kamu bangun dengan niat yang soleh dalam kebaikan,didiklah anak-anakmu dan mengajarkan pada mereka kewajiban. Hendaklah kamu berlaparan,bangun malam,berzikir dan berkhalwat (bersama Allah), sebaik-baik perkara itu adalah pertengahannya. Hendaklah kamu beradab di dalam makan minummu dan pada setiap keadaan.

Sesungguhnya ulama berkata :

[**Barangsiapa diharamkan adab (pada dirinya) maka telah diharamkan taufiq (bantuan untuk dirinya)**].

Hendaklah kamu menghormati masjid dengan meninggalkan dari memperingati perkara dunia di dalamnya secara khusus dan di luarnya secara umum.

Hendaklah kamu mengagungkan syiar-syiar Allah dan membesarkan

kehormatan Allah,hendaklah kamu menghindari dari ahli bid’ah dan lebih khusus orang zalim.Hendaklah kamu ber’uzlah (menyendiri) dari makhluk dan tidak bercampur bersama mereka sekadar yang kamu mampu.Hindarilah dari duduk di tengah jalan orang muslim.Hindarilah dari memandang remeh terhadap mereka.Hindarilah dari bercampur dengan ahli perniagaan kecuali jika darurat,bersangka baiklah pada orang-orang soleh dan cintailah

pada mereka yang mencintai pada mereka, yang mencintai pada mereka, yang mencintai pada orang solehin.Hindarilah dari memuji di hadapan,berpadalah pada pujianmu dan janganlah kamu berlebihan kerana itu adalah perkara yang keji.

Hendaklah kamu bersikap sabar dan menahan seksaan untuk orang muslim,

hiasilah wajahmu dengan senyuman dan kemesraan ketika saling bertemu,

hindarilah dari banyak gelak ketawa kerana itu akan menggelapkan hatimu,

cegahlah dirimu dari menonjol diri di majlis-majlis malahan hendaklah kamu

duduk di tempat yang membuatkan dirimu tunduk,bertawadhuk dan berasa

kehinaan.Jadikanlah dirimu tercegah dari dosa dan keaiban pada setiap keadaanmu,hendaklah kamu beradab dan menghormati guru-gurumu,

ibu bapamu secara khusus dan selain dari mereka secara umum.

Hendaklah kamu beristighfar pada waktu malam,memohon pada Allah

di dalam apa jua keadaan ,janganlah kamu menyangka dirimu itu baik dan yakinilah bahawa orang muslim selain dirimu itu yang baik. Jadilah orang yang bersemangat,berazam,berusaha dan bersabar ,jauhkanlah dirimu dari kejahatan,jadikan dirimu itu aneh di dunia,jadilah orang yang lapang,pemalu, pemaaf dan menepati janji,janganlah kamu mencintai pada kepimpinan kerana demikian kamu akan berhasad dengki.Sambunglah silaturrahim dan solatlah kamu pada waktu manusia sedang tidur,janganlah kamu mengingkari kekuranganmu di hadapan tuhanmu,jauhilah dirimu dari kejahatan,berjagalah pada kewajiban dan selawatlah kepada Nabi SAW yang disanjungkan.

Beliau menasihati : Cintailah orang fakir miskin,bersangka baiklah pada zuriat-zuriat para solihin dan segala yang berkaitan dengan mereka,jagalah lisanmu dari menyakiti orang muslim lebih khusus pada para solihin, sesungguhnya umpatan pada orang muslim itu akan membinasakan hatimu,umpatan pada orang soleh itu (kesannya) akan sampai pada zuriat selepasmu,jagalah perutmu dari segala yang haram dan syubhah.

Taubat

Beliau mengingatkan: Setelah kamu bertaubat dari segala dosamu

Hendaklah kamu mencintai ketaatan yang Maha Mengetahui perkara ghaib,cintailah para solihin,jangalah kamu bergembira di siang harimu mahupun di malam harimu kecuali pada sesuatu yang menambahkan ketakutanmu pada Allah Taala,yang menambahkan keinginanmu pada amalan

soleh,yang mengurangkan dirimu dari melakukan perkara yang buruk dan duniawi, yang menambahkan pengetahuanmu dengan kekurangan dirimu, janganlah lupa untuk mengingati tuhanmu, janganlah kamu leka dan lalai, janganlah kamu mengikuti seseorang yang tidak membantumu dalam urusan agamamu, janganlah mendampingi orang yang jahil.

Hendaklah kamu berusaha menghindari dari sifat yang buruk (seperti keldai), hiasilah dirimu kepada ketaatan dengan bangun di malam hari dan berpuasa di siang hari, Jangan mengikuti yang besar mahupun kecil yang mengurangkan agamamu, asal usul dasar kebaikan itu adalah dengan memakan makanan yang halal dan meninggalkan yang haram,asas agama adalah taubat daripada segala dosa yang kecil mahupun yang besar, barangsiapa yang menjaga solat fardhu lima waktu lalu menunaikannya di awal

waktu ,maka dia layak untuk mendapat redho Allah Taala dan rasulnya SAW, barangsiapa yang menjaga solat sunat dhuha maka Allah Taala akan menutup aibnya dan memberkati pada rezekinya.

HAKIKAT AGAMA

Beliau menerangkannya dengan berkata: Janganlah kamu menyangka bahawa agama itu hanya dengan dakwaan semata,malahan agama itu adalah dengan takut pada Allah,zuhud pada dunia,bersifat pemurah, suka pada akhirat dengan niat,jujur dan taubat.Jagalah pembacaan Al-Quran di malam dan siang,bukanlah agama itu hanya sekadar dengan lisan malahan ianya dengan ilmu,amal,akal,hati, dan sifat yang terpuji seperti berdiam diri,bersabar,murah hati,zuhud dan

takut pada Allah Taala,solatlah witir sebanyak sebelas rakaat atau tiga rakaat.

Barangsiapa yang berpuasa tiga hari pada setia bulan, sesungguhnya padanya ada ganjaran yang sungguh besar, berbaik sangkalah pada tuhanmu,nabimu dan para solihin.

Siapakah Orang Soleh?

Orang soleh adalah mereka yang takut pada Allah,menjaga lisannya

dari menyakiti orang muslim, menyuci hatinya dengan mengingati tuhannya,mengeluarkan sifat hasad dan penipuan (dari dirinya),kenal pasti dengan dosanya, bertawakkal memohon kelebihan dari penciptanya dan tuannya, mengetahui bahawa segala yang terjadi di alam ini adalah dari penguasaannya,bersedekah pada setiap hari dengan setengah dari roti atau apa sahaja yang mampu dari makanan,memberi makan pada yang lapar lebih khusus dikalangan saudara mara,memperbanyakkan selawat ke atas

Nabi SAW,membaca surah Al-Ikhlas sebanyak 50 kali pada malam jumaat dan hari jumaat, di dalam hadis Rasulullah SAW bersabda :

((**Barangsiapa berselawat padaku satu kali,Allah akan berselawat (melimpah rahmat) padanya sepuluh kali**)).

Bertasbih (subhanallah) dan bertahmid (alhamdulilah) seratus kali setiap hari,

Barangsiapa yang bertahlil

(la ilaha illallah) 70 kali maka baginya kebebasan dari api neraka,asal usul cahaya hati dan kehidupannya itu adalah bersangka baik pada Allah kemudian rasulnya,para walinya dan seluruh orang muslim.

JANGAN TERPEDAYA

Habib Abdullah berpesan : Jika kamu menginginkan dunia sekadar

yang mencukupimu, maka sedikit darinya (dunia) akan mencukupi dirimu,jika kamu mencari dunia sekadar untuk membuatmu menjadi kaya maka seluruh darinya (dunia) itu tidak akan membuatmu kaya, barangsiapa yang kemuliaannya itu hanya pada nasabnya maka keselamatannya (di hari kiamat) akan susah,manusia itu terdiri dari akhlak mereka, barangsiapa yang mencintai satu kaum maka dia dihitung daripadanya, berhati-hatilah dari cinta pada kezaliman dan seumpamanya,

jauhilah dari berkumpul bersama ahli dunia, janganlah kamu bersekutu bersama orang yang tidak peduli pada kehormatan dirinya demi untuk mencapai tujuannya, janganlah kamu bertajassus (mencari kesalahan) terhadap sesuatu perkara, impikanlah pada kebaikan, sesungguhnya barangsiapa yang mahu untuk tidak berlalu darinya kebaikan maka tidak akan berlalu jugalah darinya kemudaratan (kerana kebaikan itu akan diuji dengan kemudaratan), berzikirlah

walau dengan satu kali tasbih,bersedekahlah walau satu suapan untuk anjing ataupun kucing dengan kamu mengharap keredhaan Allah darinya (perbuatan itu).

PUJIAN KEPADA AL-IMAM AL-GHAZALI

Beliau berkata : Adapun tidak ada seseorang dari kalangan kami mahupun yang terawal dan yang terakhir dari ulama yang tersohor -ulama yang memegang perintah Allah- dan juga kita wahai umat akhir zaman yang menuju ke jalan akhirat,yang zuhud dari dunia,yang mengetahui tentang Allah SWT bahawa kita tidak mempunyai apa jua mazhab,manhaj dan jalan selain dari Al-Kitab dan As-Sunnah,yang aku maksudkan dengan Al-Kitab adalah Al-Quran dan As-Sunnah adalah hadis-hadis Nabi Muhammad SAW.

Pewaris syariat Al-Kitab dan As-Sunnah adalah Imam Syafie ketua

para mujtahid manakala Imam Muhaddist, Imam dari seluruh ulama yang mahir dengan pelbagai ilmu, Imam para zuhud, Imam ahli feqah juga Imam Al-Arif Billah,dialah penghidup agama yang bernama Muhammad bin Muhammad bin Muhammad Bin Ahmad Al-Ghazali sepertimana di dalam kitabnya yang digelari U'jubatu Az-Zaman dan Al-Azimu As-Shan bernama Ihya Ulumiddin yang merangkumi Al-Kitab dan As-Sunnah, Ianya satu hakikat,ianya satu tariqat,ianya satu jalan yang lurus,Ianya satu hujjah yang suci, manhaj yang tinggi,ianya satu tempat pandangan Allah,

Ianya satu tempat keredhoan Allah,bahkan barangsiapa yang menyukainya dan mengulangi untuk membacanya lalu beramal segala yang ada didalamnya maka wajiblah untuk dirinya mendapat kecintaan dari Allah,para

rasulnya, para malaikat,para anbiya dan para auliya,malahan dia juga telah mengumpulkan diantara syariat dan hakikat dunia dan akhirat,lalu ianya akan menjadi seorang yang alim di dunia dan akhirat,dirinya akan diingati di seluruh alam, bahkan ada yang mengatakan sekiranya Allah menghidupkan seseorang yang telah mati nescaya orang tersebut tidak akan beri wasiat pada mereka yang masih hidup kecuali wasiat yang telah ditulis didalam kitab Ihya,seluruh para ulama meyakini bahawa redhonya Allah itu ada pada kitab Ihya secara zahir dan batin bagi mereka yang memiliki hati atau mendengarinya dan dirinya menyaksikannya.

Cinta kepada kitab Ihya dan mempelajarinya itu akan dapat menghadiri hati yang lalai dengan cepat sepertimana dakwat hitam boleh tercipta (apabila menulis) dengan campuran api,bahan-bahannya dan air, maka bagaimana tidak demikian sedangkan beramal dengan apa

yang ada didalamnya akan menyampaikanmu pada pencarianmu di dua alam ini (dunia akhirat), kesan dari kitab-kitab karangan Imam Ghazali itu sungguh jelas dan mujarrob di sisi orang-orang mukmin,kesan dari cintamu kepada Imam Ghazali akan membuat dirimu dekat dengan kecintaan Al-Kitab dan As-Sunnah,

kecintaan pada para sahabat, kecintaan pada para tabi'in, kecintaan pada Imam Syafie, kecintaan pada ulama billah dan para sufi,kecintaan pada Ahli feqah seluruh alam dan ahli zuhud, kecintaan pada saudara mara dan ulama yang satu jalan denganmu, kecintaan pada orang terdahulu yang zuhud, yang ahli ibadah, yang mana dengan sebab kecintaannya itu akan membuatmu mencintai orang-orang soleh dan akan membuatmu bersangka baik pada seluruh orang-orang mukmin dan muslimin.

BERSAMA ALLAH

Semoga Allah Taala memberikan kita taufiq dengan Al-Kitab dan As-Sunnah

dari awalnya dan pengakhirannya, zahirnya dan batinnya, fikirannya, pengajarannya dan keyakinannya, syarah kepada Al-Kitab dan As-Sunnah itu ada dialam kitab Ihya Ulumiddin karangan Imam Ghazali semoga Allah merahmatinya dan memberi kita manfaat denganya.

Sekiranya kamu merindui wahai saudaraku untuk memasuki khalwat para solihin maka hendaklah kamu bersahabat dengan saudara yang soleh,yang membantu agama ini,yang mengikut syariat dan akal,

yang mencintai para solihin,yang mencintai Allah Taala dan rasulnya SAW, yang mencintai para sufi,para auliya dan kitab-kitab karangan Imam Ghazali.

Oleh sebab yang demikian, kamu dan saudaramu yang bersifat dengan syarat-syarat tertentu akan dapat untuk memasuki khalwat itu.

Daripada syarat-syarat untuk berkhalwat (Bersama Allah) ialah :

- Meninggalkan segala yang haram
- Mengikuti segala yang halal
- Menunaikan solat
- Mengeluarkan zakat sekiranya diwajibkan
- Berpuasa kemudian berbuka hanya dengan
  sedikit dari makanan dan minuman.

Wahai saudaraku,hidupkanlah (dengan ibadat) di waktu antara maghrib dan isyak,solat dhuha sebanyak 12 rakaat ,solat witir di akhir malam 11 rakaat,

jagalah solat lima waktu bersama dengan sunnahnya yang telah ternyata.

Jagalah anggotamu yang tujuh iaitu mata,telinga,lidah,perut,kemaluan,

tangan dan kaki daripada kesalahan yang bercanggah dengan syariat dan akal.

Hendaklah kamu dan saudaramu solat jumaat secara berjemaah,

Berdiam diri dengan meningalkan segala yang diharamkan oleh Allah

dan rasulnya,menghindari dari bergaul dengan wanita (yang bukan mahram)

secara menyeluruh,mencegah dari berhias dengan pakain yang menonjol,

wasiatku padamu wahai saudaraku untuk beru'zlah (menyendiri dari masyarakat) di dalam ruangan kecil atau rumahmu atau seumpamanya,

hindarilah dirimu dari tidur kecuali jika darurat atau ketika tidak mampu,

memperbanyak zikir **(لا إله إلا الله)** .

WASIAT

Wasiatku kepadamu wahai saudaraku, bacalah Al-Quran ,Hidupkanlah malam jumaat dan makanlah sedikit padanya juga malam-malam ganjil di bulan Ramadhan,dan jadikanlah kamu makan padanya hanya secupak dari kurma atau makanan lain dan sedikit dari air sehingga keluar dari waktunya (sahur),hendaklah guru yang dimiliki itu mengetahui ilmu naqli dan aqli ,seorang yang mahir dan berfirasat yang benar tentang keaiban jiwa,janganlah melihat pada gurumu kecuali dengan padangan yang redho bukan pandangan yang hina,hendaklah dirinya memiliki pandangan dan keyakinan yang baik pada makna surah Al-Ikhlas,Al-Quran,hadis dan seluruh ilmu juga para ulama Allah sepertimana pandangan dan keyakinan Nabi Muhammad SAW juga para rasul,para malaikat, kitab-kitab,para anbiya,para ulama dan para auliya di atas muka bumi ini.

Wasiatku padamu wahai saudaraku untuk beriman pada ketentuan Allah SWT yang Maha Esa,jangan sesekali kamu melihat pada dirimu kecuali dengan pandangan hina dan buruk, jadikanlan perkumpulanmu bersama saudaramu untuk berhikayat pada waktu dhuha,selepas isyak dan selepas asar,jadikanlah hikayatmu itu dengan menggunakan kitab Al-Irsyad karangan Imam Yafi'e atau kitab An-Nasyr juga karangan beliau,atau kamu berhikayat tentang guru-gurumu. Janganlah kamu berpikir kecuali pada kematian ,kubur, neraka, dosa, kekuranganmu dalam amalan dan juga pada niat, keyakinan, kelakuan, pandangan yang menakutkanmu pada Allah dan menzuhudkanmu pada dunia, menambahkan keinginanmu pada akhirat dan menzahirkanmu pada keaiban dirimu.maka demikian adalah perkara yang terpuji yang sesuai dengan syariat dan akal.

KEMULIAAN KITAB IMAM GHAZALI

Wahai saudaraku,hendaklah kamu selalu bersama kitab Imam Ghazali

dimana jua kamu berada,jangan kamu lupa untuk membaca kitab beliau pada setiap hari juga pada setiap malam walaupun hanya satu masalah lebih khusus pada kitab Ihya Ulumiddin,kitab Al-Arba'in Al-Asl, kitab Bidayatul Hidayah,Kitab Minhajul 'Abidin dan kemudian kitab-kitab karangan Imam Yafi'e.

Hendaklah kamu merendah diri dihadapan seluruh muslim, Jagalah hatimu dihadapan para solihin, rahmatilah pada seluruh muslim, berbuat baiklah dan semacamnya,

lazimkanlah lidahmu untuk selalu berdoa kebaikan keatas orang yang zalim.Jagalah adabmu seperti didalam syariat ketika makan,minum, tidur, bangun, bergerak,

bertenang, malam, siang, bermusafir atau tidak. pelajarilah adabmu dari kitab Ihya Ulumuddin dan di kitab-kitab karangan Imam Ghazali yang lain.

MENCINTAI AHLI BAIT

Hendaklah kamu menghormati ahli bait (zuriat keluarga) Nabi SAW dengan berbakti pada mereka dan seumpamanya,sama ada lelaki mahupun wanita, kaya atau miskin, muda atau tua. Selalulah berzikir di setiap keadaanmu kecuali di dalam keadaan yang dilarang oleh syariat untuk kamu berzikir padanya,tetapi walau demikian berzikir (mengingat Allah) dengan hati tidak ada larangan di mana jua.Cintailah pada fakir miskin,bersangka baiklah pada zuriat-zuriat orang soleh dan pada segala yang dinisbahkan pada mereka, cintailah untuk bersendirian (bersama Allah) dan janganlah kamu menghadiri satu nyanyian kecuali

persembahan berikut dilaksanakan oleh guru yang alim atau nyanyian berikut bersih dari sesuatu alat yang diharamkan oleh Allah,hendaklah kamu mempelajari aqidah Imam Ya'fie ,bencilah pada tahta dan kedudukan dan cintailahuntuk tidak masyhur,untuk tidak suka meminta,untuk tidak kaya dan ketenangan.

ADAB

Hindarilah dari berpaling,maksudku adalah berpaling dari gurumu dan jagalah adabmu dan kehormatanmu dengan hati, lihatlah pada mereka dengan pandangan redho dan rahmat,manakala pada dirimu dengan pandangan yang hina,aturkanlah seluruh pergerakanmu dengan aturan yang sesuai syariat dan akal. Jagalah lidahmu dari menyakiti orang mukmin dan orang muslim yang mana lebih khusus dari orang soleh kerana sesungguhnya mengumpat kepada seorang muslim itu akan

membinasakan hatimu, umpatanmu pada orang soleh itu kesannya akan sampai pada zuriat selepasmu, jagalah perutmu dari segala yang haram dan syubhah,

jagalah tanganmu dari menyakiti makhluk Allah dan seluruh muslim,jagalah kakimu dari menuju kepada kezaliman yang memudaratkan orang muslim dan hindarilah dari perlakuan itu secara terus menerus,jagalah matamu dari melihat pada sesuatu yang diharamkan oleh Allah SWT,jagalah telingamu dari mendengar sesuatu yang keji,lalai,batil dan dari percakapan wanita secara keseluruhan,hindarilah dari berkumpul bersama wanita secara keseluruhan kecuali pada waktu darurat bersama wanita yang mahram,hindarilah dari duduk di tempat yang tidak membawa

faedah pada dirimu,,jauhilah dari mereka yang benci pada orang soleh,berpuasalah pada setiap hari isnin dan khamis,hidupkanlah malam jumaat dan

tidak makan kecuali sedikit bersama air,hendaklah kamu melawan nafsumu pada sisa dari umurmu,

selalulah memperingati kepada kematian dan seluruh yang berkaitan dengannya seperti ketika dalam kubur,

ketika dimandikan dan ketika dibawa didalam keranda.

MENUJU KEBAIKAN

Bertemanlah bersama mereka yang mengingatimu pada kematian, mengingatimu pada akhirat dan orang soleh,bergembiralah kamu Jika kamu berteman bersama mereka yang mengingatimu pada kebaikan dan ketaatan pada Allah,kecintaan pada rasulullah SAW,kecintaan pada ahli bait (keluarga dan zuriat) rasulullah SAW dan pada wali Allah.

Berziarah pada peninggalan mereka dan cintailah pada masjid-masjid,para sufi,fakir

miskin dan zuriat-zuriat orang soleh, sayangilah orang muslim, hindarilah dari bersama mereka yang

menginginkan kedudukan, yang mengambil harta haram, hendaklah kamu sibuk dalam memperbetulkan dirimu ,jauhilah dirimu dari tempat-tempat cemuhan.

Hendaklah kamu beribadah di tareem selepas Mekah,Madinah,Baitul maqdis dan Palestin.Bacalah wirid Imam Yafi’e seperti di dalam kitab Irshad dan Hizib Bahar karangan Imam Shazili,bacalah doa-doa Imam Ghazali dari kitab Bidayatul Hidayah,bersangka baiklah pada Allah Taala dan rasulnya juga pada para malaikat,para anbiya,para sahabat,para ahli bait dan para solihin yang masih hidup atau yang telah wafat.Bersangka baiklah pada tempat-tempat para solihin dan zuriat-zuriat mereka,lazimkanlah untuk berzikir لا إله إلا الله ,bacalah Al-Quran dengan betul.

DIDIKAN DIRI

Hendaklah kamu beradil pada dirimu untuk berlapar, Hendaklah kamu bersendirian (ber'uzlah), berdiam diri, berjaga malam dan berhikayat para solihin lalu merahmati pada setiap muslim, beristighfarlah pada tengah malam,berselawatlah ke atas Nabi Muhammad SAW pada malam jumaat dan hari jumaat,jadikanlah dirimu untuk selalu perlu kepada Allah di dalam apa jua keadaan, jangan sesekali kamu menyangka dirimu adalah baik tetapi

bersangkalah pada selainmu yang muslim itu adalah baik.

Jadilah kamu seorang yang berazam yang kuat,seorang yang berusaha dan seorang yang sabar,bersyukurlah kamu kepada Allah, bergembiralah ketika mana kamu melakukan kebaikan

dan ketaatan, jauhilah dari kejahatan,jadilah orang yang aneh

atau pendatang asing selagi mana kamu di dunia seperti seorang yang bersinggah suatu tempat lalu pergi dari tempatnya, janganlah kamu menjadi seorang yang suka pada kedudukan

kerana demikian akan membuatmu saling berhasad dengki,jadilah orang yang pemaaf,bertoleransi dan murah hati, sambunglah silaturrahim bersama keluargamu dan kaum kerabatmu dan solatlah diwaktu malam ketika mana

manusia sedang tidur, janganlah kamu berhadapan tuhanmu kelak di akhirat terhijab kerana keaiban dirimu,adapun dengan kejahatan maka jauhilah,adapun solat fardhu maka jagalah dan adapun batasan Allah maka janganlah kamu melebihinya.

Selawat dan salam dicurahkan ke atas Nabi Muhammad SAW Insan yang terpuji dan ke atas keluarganya juga para sahabatnya yang mulia dan dermawan,sejahtera yang

banyak dikurniakan pada mereka dan segala puji bagi Allah tuhan sekalian alam.

PENUTUP

Tamatlah dari petikan-petikan kalam Mutiara oleh Habib Abdullah Bin Abu Bakar A-Aydrus yang diambil dari pelbagai tempat,segala puji bagi Allah yang mana dengan nikmatnya maka sempurnalah amal kebaikan,

yang mengumpulkan petikan-petikan berikut ialah Syeikh Makruf Bin Muhammad Ba Jammal As-Syibami,

semoga Allah menerima segala amalan kita dan amalannya dan mengurniakan pada kita kecintaan pada mereka – Amien – selawat sejahtera ke atas sebaik-baik makhluk iaitu Sayyiduna Muhammad SAW.

Maka telah tamatlah wasiat ini dengan pujian bagi Allah Taala dan pertolongannya

juga taufiq darinya,sesungguhnya Allah adalah

Maha Pemberi Taufiq kepada kebaikan.

Semoga Allah mengampunkan dosa penulisnya,pemiliknya dan seluruh orang muslim - Amien -

Selawat dan sejahtera dicurahkan ke atas sebaik-baik ciptaannya iaitu Nabi Muhammad SAW. Semoga Allah Taala mengurniakan pada kami untuk saling mengambil manfaat dan mengikutinya

- Amien -.

❊ ❊ ❊